Dana BNM untuk PKS
Kemudahan Bantuan dan Adaptasi (*Relief and Adaptation Facility,* RAFt)
Pertanyaan Lazim

Kemudahan Bantuan dan Adaptasi (*Relief and Adaptation Facility,* RAFt)		
No.	**Soalan**	**Jawapan**
1.	**Apakah RAFt?**	• Berikutan bencana banjir terdahulu, BNM telah menyediakan pembiayaan bantuan kepada PKS yang terjejas melalui Kemudahan Bantuan Bencana (*Disaster Relief Facility*, DRF). Kemudahan ini bertujuan untuk meringankan beban kewangan PKS serta menyokong usaha pemulihan bagi meneruskan operasi perniagaan. • Dalam usaha untuk menggalakkan kesiapsiagaan serta meningkatkan daya tahan perniagaan PKS dalam menghadapi risiko banjir yang semakin meningkat di Malaysia, BNM telah mengubah hala dan menambah baik DRF kepada Kemudahan Bantuan dan Adaptasi (*Relief and Adaptation Facility*, RAFt). RAFt merupakan kemudahan yang menawarkan kedua-dua pembiayaan adaptasi dan pembiayaan bantuan banjir. • Pembiayaan adaptasi diperkenalkan bagi membantu PKS melaksanakan pelaburan modal dan perbelanjaan berkaitan untuk mengurus atau mengurangkan risiko dan kerugian akibat banjir secara proaktif. • BNM juga telah menambahbaik beberapa ciri pembiayaan bantuan yang sedia ada bagi membantu PKS meneruskan operasi perniagaan mereka selepas bencana banjir dengan lebih berkesan. Antara penambahbaikan utama termasuklah: (a) PKS yang layak boleh memohon pembiayaan bantuan dalam tempoh 12 bulan selepas terjejas akibat banjir di daerah yang dikenal pasti oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA). (b) Pembiayaan maksimum telah diselaraskan kepada RM1 juta bagi semua segmen PKS, termasuk perusahaan mikro. (c) Peminjam boleh melanjutkan tempoh moratorium ke atas bayaran pokok dan faedah/keuntungan menjangkaui tempoh moratorium terangkum (*built-in*) selama enam (6) bulan, tertakluk pada penilaian institusi kewangan peserta (IKP).

<table>
<tr>
<td>2.</td>
<td>Siapakah yang layak memohon RAFt?</td>
<td>

PKS Malaysia[1,2] dengan kriteria kelayakan berikut:
<table>
<tr><th>Pembiayaan adaptasi</th><th>Pembiayaan bantuan</th></tr>
<tr><td>(a) Pernah mengalami / terkesan oleh banjir, termasuk banjir kilat; dan/atau
(b) Terletak di kawasan yang berisiko banjir</td><td>(a) Terjejas akibat banjir di daerah yang dikenal pasti oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) sebagai kawasan bencana banjir
(b) Permohonan bagi pembiayaan harus dikemukakan dalam tempoh 12 bulan selepas bencana banjir</td></tr>
</table>

Sila hubungi IKP untuk memastikan kelayakan perniagaan anda bagi pembiayaan di bawah RAFt.

</td>
</tr>
<tr>
<td>3.</td>
<td>Apakah tujuan pembiayaan yang dibenarkan?</td>
<td>

PKS boleh mendapatkan pembiayaan di bawah RAFt bagi tujuan pembiayaan am seperti berikut, tertakluk kepada penilaian kredit oleh IKP.
<table>
<tr><th>Pembiayaan adaptasi</th><th>Pembiayaan bantuan</th></tr>
<tr><td>Pelaburan modal dan perbelanjaan yang berkaitan untuk mengurus atau mengurangkan risiko dan kerugian PKS akibat banjir (iaitu bagi tujuan adaptasi banjir).
Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada:
(a) Yuran bagi penilaian banjir dan rundingan oleh pakar/profesional;
(b) Kos bagi pemindahan premis perniagaan ke kawasan banjir yang berisiko rendah (tidak</td><td>(a) Membaik pulih dan/atau menggantikan aset perniagaan (cth. loji dan mesin) yang telah rosak akibat bencana alam; dan/atau
(b) Modal kerja.

Nota: Pembiayaan tidak boleh digunakan untuk membiayai semula kemudahan kredit/ pembiayaan sedia ada.</td></tr>
</table>

</td>
</tr>
</table>

[1] Sekurang-kurangnya 51% saham dimiliki oleh rakyat Malaysia.

[2] PKS dalam dokumen ini merujuk kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana seperti yang ditakrifkan dalam Garis Panduan untuk Takrif PKS yang diterbitkan oleh SME Corporation Malaysia yang boleh dilayari di: https://smecorp.gov.my/index.php/my/polisi/2020-02-11-08-01-24/sme-definition

			termasuk pembelian tanah dan hartanah); dan (c) Perbelanjaan berkaitan adaptasi banjir semasa fasa pembinaan premis perniagaan baharu; (d) Perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan sokongan atau selepas jualan serta penyelenggaraan berkaitan penyelesaian adaptasi banjir; dan (e) Pembelian perlindungan insurans/takaful banjir ke atas premis dan aset perniagaan, serta terhadap gangguan operasi perniagaan.	
			• Sila rujuk Lampiran 1 bagi contoh-contoh aktiviti adaptasi banjir. Kelulusan permohonan pembiayaan bagi aktiviti adaptasi banjir adalah tertakluk kepada penilaian kredit oleh setiap IKP.	
4.	**Perniagaan saya terletak di kawasan berisiko banjir dan saya berminat untuk memohon pembiayaan adaptasi banjir. Apakah yang perlu saya lakukan?**	• PKS digalakkan untuk membuat penilaian wajar *(due diligence)* semasa merancang langkah-langkah adaptasi banjir. Antara cadangan langkah-langkah utama (5M) yang boleh dilakukan oleh PKS termasuklah: (i) **M1 – Menilai risiko anda:** Mengenal pasti risiko banjir terhadap perniagaan anda dan menentukan tahap perlindungan yang diperlukan. (ii) **M2 – Mempertimbang pilihan anda:** Meneliti dan meneroka solusi adaptasi banjir yang tersedia dan sesuai di pasaran, serta memahami tahap perlindungan yang ditawarkan oleh setiap solusi tersebut. (iii) **M3 – Menghubungi IKP:** Menghubungi IKP untuk mengesahkan kelayakan perniagaan anda serta memahami terma dan syarat di bawah RAFt. (iv) **M4 – Mendapatkan sokongan pakar:** Mengenal pasti dan mendapatkan sokongan daripada pakar runding atau pembekal penyelesaian yang berkelayakan bagi		

		penyelesaian adaptasi banjir yang sesuai. – PKS boleh merujuk kepada pendaftaran rasmi Lembaga Jurutera Malaysia (Board of Engineers Malaysia, BEM), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (Construction Industry Development Board, CIDB), dan Lembaga Arkitek Malaysia (Board of Architects Malaysia, BAM) atau direktori oleh persatuan profesional seperti Institusi Jurutera Malaysia (The Institution of Engineers Malaysia, IEM). – Langkah ini termasuk melantik jurutera yang pakar dalam risiko banjir (*specialist flood risk engineer*) untuk membuat penilaian risiko banjir (*flood risk assessment, FRA*) yang lebih terperinci dan teknikal. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Soalan Lazim no. 5. (v) **M5 – Memahami keperluan tambahan:** Memahami dan mengambil kira sebarang perkhidmatan sokongan atau selepas jualan yang diperlukan untuk memastikan keberkesanan dan jangka hayat penyelesaian adaptasi banjir. – Sebagai contoh, ini termasuk sebarang jaminan lanjutan (*extended warranty)*, perkhidmatan selepas jualan, perkhidmatan penyelenggaraan atau sokongan lain yang mungkin disediakan oleh pembekal penyelesaian adaptasi banjir. • Langkah 5M yang disenaraikan bertujuan sebagai panduan am sahaja dan tidak perlu diikuti dalam urutan tertentu. Contohnya, PKS boleh memilih untuk mendapatkan nasihat pakar runding terlebih dahulu (langkah M4) yang dapat membuat penilaian risiko banjir (langkah M1). PKS seterusnya boleh mendapatkan pandangan menyeluruh berkenaan pilihan penyelesaian adaptasi banjir yang sesuai dengan keperluan perniagaan (langkah M2) serta sebarang perkhidmatan sokongan tambahan (langkah M5). Proses ini boleh dituruti dengan proses yang berulang (*iterative process*) bersama pihak pembiaya atau IKP (langkah M3).
5.	**Apakah ciri-ciri dan kriteria RAFt?**	• Selain daripada ciri-ciri minimum yang ditetapkan oleh BNM, IKP mungkin menawarkan RAFt dengan pelbagai ciri yang disesuaikan kepada keperluan PKS yang pelbagai. PKS digalakkan untuk menilai dengan teliti dan memilih pembiayaan yang paling sesuai dengan keperluan khusus perniagaan masing-masing.

6.	**Apakah jumlah pembiayaan maksimum yang dibenarkan di bawah RAFt?**	• Setiap PKS boleh memohon pembiayaan sehingga RM1 juta untuk pembiayaan adaptasi dan pembiayaan bantuan masing-masing. • Ini bermaksud jika kedua-dua pembiayaan adaptasi dan pembiayaan bantuan diambil, had gabungan adalah sebanyak RM2 juta bagi setiap PKS.
7.	**Apakah tempoh pembiayaan maksimum yang dibenarkan di bawah RAFt?**	• Tempoh pembiayaan maksimum bagi kedua-dua pembiayaan adaptasi dan pembiayaan bantuan adalah 7 tahun. • Bagi pembiayaan bantuan, tempoh 7 tahun tersebut termasuklah tempoh moratorium terbina dalam (*built-in*) selama 6 bulan dan sebarang tempoh moratorium tambahan yang dipersetujui bersama oleh PKS dan PFI. • PKS diingatkan bahawa moratorium bukanlah bermaksud hutang dalam tempoh tersebut dilupuskan. Faedah/keuntungan akan terus terkumpul ke atas pembayaran tertangguh selama tempoh moratorium, dan akan dikenakan pada jumlah ansuran. Namun begitu, faedah terkompaun (iaitu faedah atas faedah) tidak akan dikenakan, termasuk untuk pinjaman konvensional. • Sebelum memohon sebarang tempoh moratorium tambahan menjangkaui tempoh moratorium terangkum (*built in*) selama 6 bulan, PKS harus memahami berapa banyak pembayaran bulanan akan meningkat selepas moratorium, kerana tempoh bayaran balik tetap tidak berubah (iaitu tetap selama 7 tahun, tanpa mengira tempoh moratorium).
8.	**Adakah terdapatnya syarat-syarat lain bagi pembiayaan adaptasi?**	• Ya, beberapa syarat tambahan dikenakan bagi memastikan PKS mendapat manfaat sepenuhnya daripada pembiayaan, dan supaya penyelesaian adaptasi banjir yang dilaksanakan adalah berkesan dan berbaloi. (a) Bagi semua permohonan pembiayaan yang melibatkan penyelesaian adaptasi fizikal (RM0 – RM1 juta): Penyelesaian mesti disediakan atau dilaksanakan oleh pakar yang berkelayakan. Ini dapat memastikan penyelesaian adaptasi banjir kukuh dari segi teknikal dan sesuai dengan keperluan perniagaan. (b) Bagi permohonan pembiayaan yang melibatkan penyelesaian adaptasi fizikal antara RM500,000 – RM1 juta: PKS mesti melantik jurutera yang pakar dalam risiko banjir (*specialist flood risk engineer*) untuk membuat penilaian risiko banjir *(flood risk assessment, FRA*) bagi premis perniagaan. Kos FRA ini juga boleh dibiayai di

bawah RAFt.

– FRA ialah penilaian terperinci dan teknikal yang mengenal pasti kelemahan lokasi dan premis perniagaan dalam menghadapi banjir. FRA juga mengesyorkan penyelesaian adaptasi banjir yang sesuai berdasarkan tahap perlindungan yang diperlukan, serta pendekatan adaptasi banjir yang lain (cth. merancang pelan tindak balas kecemasan bencana banjir).

Nota: Penyelesaian adaptasi fizikal merujuk kepada pengubahsuaian ketara (*tangible*) (cth. pembinaan, pengubahsuaian, pemasangan) atau penyelesaian teknologi yang selalunya memerlukan reka bentuk dan spesifikasi kejuruteraan atau teknikal. Sila rujuk Lampiran 1 untuk contoh penyelesaian adaptasi fizikal dan bukan fizikal.

9. **Apakah kadar pembiayaan bagi PKS untuk pembiayaan di bawah RAFt?**

- Umumnya, kadar pembiayaan yang lebih rendah sebanyak 3.00% dikaitkan dengan pembiayaan adaptasi:

Masa	Pilihan pembiayaan	Kadar pembiayaan maksimum
Selepas kejadian banjir besar (seperti yang disenaraikan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara, NADMA)	Pembiayaan bantuan sahaja	3.50%
	Pembiayaan bantuan dan pembiayaan adaptasi yang diambil bersama	3.00%
	Pembiayaan bantuan diambil oleh PKS yang telah terdahulunya mengambil pembiayaan adaptasi / masih mempunyai pembiayaan adaptasi terkumpul	
Pada bila-bila masa	Pembiayaan adaptasi	

10. **Perlukah PKS menjanjikan cagaran untuk mendapatkan pembiayaan di bawah RAFt?**

- IKP tidak akan mengenakan syarat cagaran kepada PKS untuk pembiayaan yang ditawarkan di bawah RAFt.
- Walau bagaimanapun, cagaran mungkin diperlukan di bawah RAFt bagi mendapatkan jaminan pembiayaan daripada penyedia jaminan kredit seperti Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) atau Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP), mengikut syarat dan ketentuan oleh institusi berkenaan.

11.	**Bilakah RAFt akan tersedia?**	• Kemudahan ini akan tersedia sehingga 30 Jun 2027 atau peruntukan digunakan sepenuhnya, mana-mana yang terdahulu.

Bank Negara Malaysia
Dikemaskini pada 8 Ogos 2025

Lampiran 1

Panduan bagi Aktiviti Adaptasi Banjir

Adaptasi banjir dalam konteks RAFt merujuk kepada langkah-langkah yang boleh diambil oleh PKS untuk mengurangkan atau menyingkirkan risiko banjir dan kerosakan berkaitan banjir, serta mempercepat pemulihan operasi perniagaan selepas bencana banjir. Langkah-langkah ini boleh dikategorikan sebagai adaptasi banjir secara fizikal dan bukan fizikal.

- Adaptasi banjir secara fizikal merujuk kepada pengubahsuaian ketara (*tangible*) (cth. pembinaan, pengubahsuaian, pemasangan) yang bertujuan untuk melindungi premis perniagaan, infrastruktur dan aset/kandugan dalam premis perniagaan daripada terkesan oleh banjir atau mengurangkan tahap kerosakan. Penyelesaian adaptasi fizikal ini selalunya memerlukan reka bentuk dan spesifikasi kejuruteraan atau teknikal yang sebaik-baiknya disediakan oleh pakar atau pembekal penyelesaian yang berkelayakan. Penyelesaian yang dimaksudkan juga merangkumi aplikasi teknologi seperti sistem amaran banjir untuk meningkatkan ketersediaan terhadap banjir dan tindak balas dalam menangani banjir, yang dirancang atau dipasang oleh pakar khusus.
- Sebaliknya, adaptasi banjir secara bukan fizikal mungkin melibatkan sebarang pelarasan strategik atau operasi yang membantu memastikan kesinambungan perniagaan dan mempercepat pemulihan perniagaan. Contoh-contoh termasuklah pemindahan operasi perniagaan ke kawasan yang kurang terdedah kepada bencana banjir (tidak termasuk pembelian tanah dan hartanah), pempelbagaian lokasi pengeluaran, pemerolehan input dan aset tahan banjir (cth. kenderaan, mesin), dan pembelian perlindungan insurans/takaful banjir. Kesemua ini merupakan aktiviti yang dibenarkan di bawah pembiayaan adaptasi banjir RAFt.

Senarai berikut menggariskan beberapa contoh langkah adaptasi banjir fizikal dan bukan fizikal yang boleh diguna pakai oleh PKS:

No.	Objektif	Bidang dan contoh langkah adaptasi
1.	**Langkah rintangan** *Mencegah atau mengurangkan kemasukan air banjir ke dalam premis perniagaan*	**(a) Mengguna pakai teknologi atau alat teknikal untuk memantau dan mengurus risiko banjir** (i) Memasang sensor air di kawasan yang terdedah kepada banjir (ii) Membina/membeli aplikasi pengesanan banjir proprietari atau sistem amaran banjir **(b) Membina atau mengubahsuai premis perniagaan / struktur luaran bangunan** (i) Membina benteng banjir dan tembok banjir *(levees),* (tanah yang dipadatkan) (ii) Memasang pagar/penghalang banjir *(flood gates/ barriers)* yang kekal / automatik (iii) Membina saluran air & kawasan tadahan buatan (cth. kolam takungan air di bawah/dalam kawasan kilang) (iv) Melebarkan/mendalamkan/menambah sistem saliran

No.	Objektif	Bidang dan contoh langkah adaptasi
		(v) Memasang turapan jalan telap air/ konkrit (vi) Melaksana proses kalis banjir jenis kering dan basah untuk struktur fizikal (cth. penggunaan bahan penebat untuk mengurangkan kebocoran air banjir melalui dinding, pengukuhan/pengalisan air *(waterproofing)* dinding untuk menahan tekanan air banjir dan kesan daripada serpihan/sampah sarap akibat banjir) **(c) Melindungi bukaan struktur fizikal atau kawasan terdedah** (i) Memasang pintu, tingkap dan kisi-kisi *(louvers)* banjir/kedap air *(watertight)* (ii) Membeli penghalang banjir yang boleh dipasang-buka atau fleksibel *(demountable or flexible flood barriers)* (memerlukan pemasangan) **(d) Mencegah kemasukan air bawah tanah dan kumbahan, atau mengurus paras air banjir** (i) Memasang peralatan untuk mengepam atau menghalang kemasukan air serta mengelakkan pencemaran kumbahan (cth. pam tangki atau injap *(sump or portable pumps)*, injap tidak balik *(non-return valves))*
2.	**Langkah meningkatkan daya tahan atau proses pemulihan** *Mengurangkan kerosakan dan membolehkan pemulihan yang lebih cepat selepas bencana banjir*	**(a) Melabur dalam input dan faktor pengeluaran yang tahan cuaca** (i) Membeli benih/anak pokok yang tahan lasak (untuk perniagaan dalam aktiviti pertanian)* **(b) Melindungi infrastruktur, aset dan kandungan dalam struktur fizikal** (i) Meninggikan mesin dan peralatan melebihi paras banjir yang dijangkakan (cth. membina pelantar atau alas, mendirikan rak automatik/boleh alih) (ii) Membina kawasan penyimpanan kalis banjir khas untuk mesin dan inventori yang sensitif (iii) Melindungi perkhidmatan mekanikal, elektrik dan utiliti (cth. parit kabel, paip) (iv) Melabur dalam lantai dan perabot tahan banjir (cth. menggantikan lantai permaidani sepenuhnya dengan alternatif lantai yang lebih tahan banjir, memasang kabinet dan sistem rak keluli tahan karat/aluminium) **(c) Memastikan kesinambungan operasi perniagaan** (i) Memasang penjana kuasa untuk elektrik sandaran

No.	Objektif	Bidang dan contoh langkah adaptasi
		(ii) Mereka bentuk semula litar elektrik untuk keselamatan dan kesinambungan perniagaan (cth. mengasingkan sumber elektrik untuk aras yang lebih terdedah kepada air banjir) (iii) Melabur dalam kenderaan yang sesuai untuk banjir (cth. SUV, trak dengan pelepasan yang lebih tinggi)* (iv) Mempelbagai lokasi pengeluaran/premis perniagaan* **(d) Membangunkan pelan tindak balas kecemasan banjir** (i) Membangunkan/mendapatkan khidmat pakar perunding untuk merancang tatacara pengendalian piawai *(standard operating procedures, SOP)* sebelum, semasa dan selepas banjir (cth. penyediaan kit kecemasan untuk pekerja, *SOP* untuk peralatan mengurangkan air banjir termasuk lokasi penyimpanan, panduan pemasangan, arahan penyelenggaraan dan latihan pemasangan tahunan)
3.	**Pemindahan atau pengurangan risiko** *Memindahkan pendedahan terhadap kerugian berkaitan banjir atau menghapuskan risiko sepenuhnya*	**(a) Pembelian perlindungan insurans/takaful banjir untuk premis perniagaan, aset dan gangguan perniagaan*** **(b) Penempatan semula ke kawasan yang kurang terdedah kepada banjir/kawasan selamat banjir***

Nota: Perkara yang ditandakan dengan asterisk (*) tidak/mungkin tidak dianggap sebagai adaptasi fizikal yang memerlukan khidmat rundingan dan penyelesaian profesional.

Sumber: Sorotan kajian, penandaan aras global dan perkongsian industri

Bank Negara Malaysia

Dikemas kini pada 8 Ogos 2025